



Headline	Aska lahir ramai profesional		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 May 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	23	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	296 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,628
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,884



Aska lahir ramai profesional

Kemampuan berfikir, disiplin pelajar diberi perhatian serius

SERENDAH - Peranan Asrama Kasih (Aska) di bawah Yayasan Basmil Kemiskinan (YBK) bukan saja menjadi penempatan golongan yatim piatu dan miskin, malah YBK sebenarnya menjadi tempat melahirkan golongan profesional dan terpelajar.

Pengerusi YBK, Datuk Zainal Abidin Sakom berkata, mengambil contoh seorang bekas pelajar terawal yang mendapat penjagaan di Aska Serendah, kini sudah bergelar doktor dan menjadi pengarah di sebuah hospital kerajaan di Perak.

"Jika pada peringkat awal penubuhan Aska lagi, sudah lahir golongan profesional seperti Dr Fatimah Az Zahrah, maka sudah pasti selepas 18 tahun lebih ramai golongan bijak pandai dapat kita lahirkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis pengiktirafan dan penyerahan Sijil Pendaftaran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Aska di sini.

Menurutnya, Aska mengeluarkan 2,700 murid yang memasuki institut pengajian tinggi awam (IPTA) khususnya Universiti Kuala Lumpur (UniKL) bagi bidang teknikal dan profesional dan kebanyakannya menjawat profesion seperti doktor dan jurutera.

Hadir sama, Pengarah JKM Selangor, Nik Omar Nik Ab Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif YBK, Zulkhairi Jalaludin dan Pengerusi Aska, Datin Hartini Osman.

Turut hadir, Pegawai JKM Daerah Hulu Selangor, Maznah Othman; Ahli Lembaga Pemegang Amanah YBK, Bing Selamat Amir dan Pengetua

Aska, Zainiyah Mohd Amin.

Menceritakan sejarah ringkas penubuhan Aska pada 1993, Zainal berkata, pada peringkat awal Aska hanya mempunyai 42 pelajar serta tidak menilai mereka menerusi pencapaian pelajaran tetapi sekadar menguji kemampuan berfikir serta disiplin diri.

Menurutnya, daripada 42 pelajar, 17 memperoleh Gred 1, 12 (Gred 2) dan selebihnya lulus dalam pelajaran.

"Selepas itu, kita terus tingkatkan pengambilan sehingga maksimum 200 orang.

"Kebanggaan kami adalah disiplin anak-anak di sini kerana bila mereka masuk IPTA, mereka akan jadi *leader* kerana di sini dilatih menjadi pemimpin," katanya.

Beliau berkata, dengan berdaftar di bawah JKM, Aska akan lebih terbuka untuk membuat aktiviti, pelajar lebih terdedah dengan motivasi, tahu bersyukur dan berterima kasih.



Zainal (kanan) menerima Sijil Pendaftaran JKM daripada Nik Omar.